

RM20 juta bina institut kaligrafi

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri meluluskan peruntukan RM20 juta bagi membina Institut Kaligrafi Islam Antarabangsa (IKIA) di Taman Tamadun Islam (TTI) yang dijangka bermula dalam masa terdekat.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, Datuk Mohd Zubir Embong berkata, kerajaan negeri mengambil inisiatif menubuhkan institut berkenaan berikutan Terengganu semakin mendapat perhatian dalam kalangan dunia Islam.

Malah, katanya, Terengganu patut berbangga kerana muncul satu-satunya lokasi di rantau ini yang mendapat pengiktirafan OIC Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA) yang berpusat di Turki.

"IKIA akan digerakkan secara bersama iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Institut al Quran Terengganu (IQT) dan TTI Management Sdn Bhd.

"Kami sudah menubuhkan jawatankuasa khas bagi penubuhan IKIA dan IRCICA berperanan dalam memberi pengiktirafan terhadap graduan yang tamat pengajian dalam bidang seni khat di institut ini," katanya ketika berucap sebelum merasmikan Festival Seni Islam Antarabangsa Terengganu (TIIAF) 2014 di TTI, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri Datuk Mohd Jidin Shafee, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Tugas-tugas Khas negeri Ghazali Taib.

Kira-kira 10,000 pelawat me-



MOHD Zubir (dua dari kiri) melihat karya khat ketika perasmian Festival Terengganu International Islamic Arts 2014 di TTI, semalam.

ngunjungi festival edisi ketiga yang berlangsung tiga hari bermula semalam yang turut diserikan dengan penyertaan penggiat seni khat antarabangsa daripada 20 negara Islam di seluruh dunia.

Mengulas lanjut, Zubir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk TIIAF berkata, pengiktirafan IRCICA

sebagai badan dunia tertinggi dalam hal ehwal seni budaya Islam membuktikan kepercayaan pihak berkenaan kepada kerajaan Terengganu yang memberi komitmen tinggi kepada pembangunan seni budaya Islam di peringkat dunia.

"IRCICA yakin dengan keupayaan kerajaan Terengganu me-

ngendalikan TIIAF dan juga mempunyai ramai penggiat seni khat Islam yang setanding dengan tokoh seni khas dunia," katanya.

Antara tokoh kaligrafi terkemuka dunia yang hadir dan menjadi juri pertandingan khat antarabangsa TIIAF kali ini ialah Dawood Bektas dari Turki, Adnan Sheikh Osman (Syria)

dan Ziyad Al Muhamdis (Iraq).

Selain pameran seni khat, TIIAF 2014 diserikan pertandingan seni khat antarabangsa dan tempatan serta pertandingan khat spontan kebangsaan membabitkan peringkat sekolah rendah dan menengah di samping empat siri bengkel seni berkenaan.

HARIAN METRO 6/12/14